

15 JAN 2003

NAM-PERNIAGAAN/I

FORUM PERNIAGAAN AKAN DIADAKAN SEIRING DENGAN NAM KE-13

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Satu forum perniagaan mengenai kerjasama Selatan-Selatan akan berlangsung seiring dengan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 yang akan diadakan di sini daripada 20 hingga 25 Februari depan.

Forum itu yang digelar sebagai Forum Pergerakan Negara-Negara Berkecuali dalam Kerjasama Selatan-Selatan bertujuan meningkatkan perniagaan dan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara Selatan, demikian menurut laman web rasmi NAM.

Ia menyatakan Forum Perniagaan NAM selama dua hari itu yang bermula pada 23 Februari akan mengumpulkan bersama-sama usahawan, ketua-ketua industri, golongan profesional dan pengurus korporat untuk membincangkan peluang bagi kerjasama perniagaan, hubungan perdagangan dan perkongsian pintar.

Kerjasama itu akan menangani isu-isu, cabaran dan prospek yang timbul daripada globalisasi manakala penekanan akan diberikan kepada bagaimana cara-cara sektor swasta boleh memberi sumbangan ke arah merapatkan jurang digital.

"Sesi padanan perniagaan, bengkel kerja negara yang khusus dan sesi sektoral juga akan memudahkan interaksi perniagaan dan pertukaran ide dan maklumat," kata laman web itu.

Forum perniagaan itu dianjurkan oleh Institut Kepimpinan Strategik Asia (ASLI) dengan kerjasama Kementerian Luar dan Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (MASSA).

Forum Perniagaan itu akan diadakan di Sunway Lagoon Resort Hotel manakala edisi ke-13 Sidang Kemuncak NAM pula berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucap tama perasmian pada Forum Perniagaan bertajuk "Membina Orde Baru Dunia -- Mengekalkan Keamanan, Berkongsi Kemakmuran Global" pada 23 Feb.

Perasmian majlis itu dijangka akan disusuli dengan sesi khas pemimpin-pemimpin NAM yang menumpukan kepada "Membentuk Semula NAM, Mempertingkatkan Kerjasama, Membina Penghubung".

Satu sesi peringkat menteri bertajuk "Memudahkan Rangkaian Perdagangan dan Pelaburan di Kalangan Negara-negara Selatan: Maju ke Hadapan" juga akan diadakan di sebelah petang hari pertama forum berkenaan.

Beberapa sesi perniagaan juga dirancang pada hari kedua dan terakhir forum itu dengan topik-topik yang disediakan termasuk "Menghubungkan Pembangunan Perdagangan dan Jurang Digital -- Bagaimana Negara Selatan-Selatan Boleh Mempertingkatkan Kerjasama, Pentadbiran Global dan Membina Keupayaan Dalam Menghadapi Globalisasi" dan "Membina Semula Persaingan, Mengekalkan Pertumbuhan Ekonomi -- Contoh Masa Depan bagi Kerjasama dan Pembangunan."

Forum itu juga akan memuatkan perbincangan mengenai keamanan dengan seorang negarawan terkemuka tetapi tokoh itu masih belum dinamakan, kata laman web itu lagi.

Forum itu dijangka dihadiri delegasi dari kira-kira 50 negara anggota NAM.

Untuk berita-berita berkaitan NAM, sila layari www.nam2003.com. --
BERNAMA

SR MFJ KTC ZK

